

TINJAUAN TENTANG KEFAHAMAN AMALAN KHITAN BAGI PEREMPUAN DALAM KALANGAN IBU-IBU MUDA

Norul Huda Binti Bakar
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS, Bandar Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor. (013-2084310)
norulhuda@kuis.edu.my

Abstrak

Amalan berkhitan bagi perempuan adalah sebahagian daripada syiar Islam yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam. Perkara ini telah dirungkaikan sebaik mungkin oleh para fuqaha' secara terperinci dan jelas. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha' berkaitan khitan bagi perempuan, namun perbezaan itu bukanlah suatu kelemahan dan penafian tentang keharusan amalan tersebut kerana ia diiktiraf oleh baginda Rasulullah SAW. Kertas kerja ini meninjau tentang khitan bagi perempuan mengikut pandangan para fuqaha' berkaitan hukum dan pelaksanaan khitan mengikut syarak. Di samping itu, kertas kerja ini juga meninjau tentang kefahaman amalan khitan perempuan dalam kalangan ibu-ibu muda pada masa kini. Kertas kerja ini mendapati bahawa para fuqaha' tidak menetapkan hukum haram dan makruh bagi khitan perempuan. Bahkan terdapat sebahagian fuqaha' mengatakan hukum berkhitan bagi perempuan harus dan sebahagian lainnya mengatakan wajib. Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap 12 orang ibu muda mendapati keseluruhan respondan memahami sebab melaksanakan amalan khitan bagi anak perempuan mereka dan pelaksanaan khitan tersebut menepati kehendak dan perintah syarak.

Kata kunci : Kefahaman amalan khitan perempuan, Amalan berkhitan, Khitan bagi perempuan.

1.0 Pengenalan

Khitan merupakan perkara yang disyariatkan dalam Islam. Bahkan ia menjadi salah satu syiar yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam. Dalil utama berkaitan khitan ialah sabda Rasulullah SAW :

خمس من الفطرة : الحناتان والإستحداد وتقليم الأظافر وتنف الإبط وقص الشارب.

Yang bermaksud :

Lima perkara fitrah iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan, memotong kuku, mencabut bulu ketiak (cukur) dan memendekkan misai (Riwayat Bukhari).

Namun, khitan bagi perempuan bagi sesetengah negara menjadi isu yang sangat sensitif sehingga membawa kepada larangan dan kesalahan sekiranya ia dilaksanakan. Seperti di Amerika Syarikat dan beberapa Negara Eropah yang telah membuat undang-undang larangan khitan perempuan. Manakala di Belanda, hukuman 12 tahun penjara akan dikenakan kepada sesiapa yang melaksanakan khitan pada perempuan. Mesir juga telah mengharamkan amalan khitan bagi perempuan dan mengenakan hukuman penjara dan denda bagi yang melakukannya, (*The Washington Post* 2016) walaupun majoriti rakyatnya beragama Islam. (Muhammad Sayyid as-Syanawi).

Ditambah lagi baru-baru ini telah keluar kenyataan daripada Dr Farouk Musa, seorang pakar kardioterasik dari *Islamic Renaissance Front* (IRF) mendakwa amalan khitan bagi perempuan tiada sandaran dalam hadis tentang perlaksanaannya dan dikhuatiri amalan ini

membawa mudarat pada kesihatan wanita (*Free Malaysia Today* 2016). Pernyataan seperti ini dibimbangi akan membawa kekeliruan dalam masyarakat Islam di Malaysia kerana jelas bertentangan dengan hadis nabi SAW seperti mana yang telah dinyatakan di atas.

Justeru, kajian ini dijalankan dengan memilih 12 orang ibu muda secara rawak bagi meninjau kefahaman dan amalan khitan bagi perempuan. Kajian ini juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang hukum khitan bagi perempuan. Seterusnya bagi mengenal pasti cara pelaksanaan khitan menurut Islam.

2.0 Khitan Bagi Perempuan Menurut Islam

Dalam Islam, khitan bagi perempuan telah dibincangkan oleh para fuqaha' dengan jelas dan terperinci. Ia melibatkan maksud khitan, cara dan kawasan khitan dan hukum melaksanakan khitan bagi perempuan.

2.1 Maksud Khitan Bagi Perempuan

Di dalam kamus *Lisan Al-'Arab* menyebut khitan sebagai kawasan yang dipotong dari alat kelamin lelaki dan kawasan pemotongan dari klitoris perempuan. Khitan perempuan merujuk kepada pemotongan sebahagian kecil daripada kulit pada bahagian atas faraj yang terletak di atas kawasan kemasukan zakar (Ibnu Manzur 2012).

Manakala dari segi istilah fiqh, fuqaha' sepakat mendefinisikan khitan untuk perempuan merujuk kepada pemotongan sebahagian kulit pada bahagian atas faraj bagi perempuan (Abdul Karim Zaidan 2000).

2.2 Pelaksanaan khitan perempuan menurut Islam

Imam Nawawi menjelaskan bahawa di bahagian faraj wanita terdapat kawasan keluarnya haid, mani dan kelahiran bayi yang juga merupakan kawasan kemasukan zakar. Di bahagian atasnya terdapat satu lubang kecil iaitu kawasan keluar najis daripadanya. Di antara dua lubang ini terdapat kulit yang lembut. Di atas lubang najis juga terdapat kulit yang lembut dan kulit seperti balung ayam inilah yang dikhatarkan bagi perempuan (al-Nawawi 2001).

Ibn Hajar Al-Asqalani menjelaskan khitan untuk wanita adalah dengan memotong kulit yang menutupi *klitoris* tanpa membuang keseluruhaninya (Ibn Hajar 2000). Muhammad Ali Qutub juga menyebut kawasan yang sama yang dibuang semasa dikhatarkan di mana kulit itu disebut sebagai *fresulum* (*Wizarah al-Awqaf wa su'un al-Islamiah* 1990).

2.3 Hukum khitan bagi perempuan

Para ulama' berbeza pendapat dalam membincangkan hukum khitan bagi perempuan. Ulama' berbahas panjang tentang hukum khitan bagi perempuan, namun dalam kertas kerja ini hanya menampilkan pandangan ulama' dan dalil yang bersandar dari dalil tersebut sahaja.

Terdapat dua hukum berkaitan khitan bagi perempuan mengikut pandangan ulama' iaitu :

- i. Hukum wajib iaitu pandangan daripada jumhur al-Syafi'iyyah, mazhab Hambali dan pendapat Sahnun daripada Mazhab Maliki (Ibn Hajar 2000). Hujah bagi pandangan ini berdasarkan dalil berikut :

Allah telah memerintahkan hamba-hambanya untuk mengikut apa yang diperintahkan kepada Nabi Ibrahim a.s. bersandarkan firman Allah SWT:

۱۲۳ مَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنِ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَيْفَا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Yang bermaksud :

Kemudian kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar dan tiadalah dia dari orang-orang musyrik. (Surah al-Nahl : 123)

Suruhan ini termasuklah amalan berkhatan kerana ia merupakan salah satu daripada suruhan yang ditetapkan ke atas Nabi Ibrahim a.s sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ ﴿أَخْتَنَ إِبْرَاهِيمَ بَعْدَ ثَمَانِينَ سَنَةً وَاخْتَنَ بِالْقَدْوُمِ﴾.

Yang bermaksud:

Daripada Abi Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda Nabi Ibrahim berkhatan sewaktu umurnya lapan puluh tahun dan berkhatan dengan menggunakan kapak kecil (Riwayat Bukhari)

Ibn Hajar menjelaskan amalan khitan merupakan amalan Nabi Ibrahim AS, dan ayat ini jelas menuntut agar kita mengikut agama Nabi Ibrahim, maka ia menjadi wajib bagi umat Islam untuk berkhatan bagi lelaki dan perempuan (Ibn Hajar 2000).

- ii. Hukum mandub dan sunat iaitu pandangan Mazhab Maliki dan setengah ulama' Hanafi. Ibnu Qudamah mengatakan hukumnya tidak wajib tetapi satu penghormatan bagi perempuan (*Wizarah al-Awqaf wa su'un al-Islamiah* 1990). Begitu juga pandangan Abdul Karim Zaidan (2000), Sheikh Al-Azhar Muhammad Syed At-Tantawi dan Dr. 'Atiyyah Saqar (*Atiyyah Saqar t.t.*). Hujah bagi pandangan ini berdasarkan dalil:

Rasulullah SAW juga pernah menasihati Umm 'Atiyyah tentang tatacara berkhatan seperti yang disebutkan dalam hadith berikut:

عَنْ أُمِّ أَطْيَةِ الْأَنْصَارِيَّةِ أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ تَخْنَزُ بِالْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ ﷺ لَا تَنْهَكِيْ فَإِنْ ذَلِكَ أَحْظَى لِلْمَرْأَةِ وَأَحْبَبَ إِلَى الْبَعْلِ.

Yang bermaksud :

Daripada Umm 'Atiyyah Al-Ansariyah berkata, sesungguhnya seorang wanita berkhatan di Madinah. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: Janganlah kamu berlebih-lebihan kerana hal itu akan lebih mendatangkan kenikmatan bagi wanita dan lebih disukai suami. (Riwayat Abu Daud)

Hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik menyebut bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

إذا خفست فأشيء ولا تنهكى لإنه أسرى للوجه وأحظى للنوج.

Yang bermaksud :

Apabila engkau melakukan khatan, maka sederhanakanlah dan janganlah berlebih-lebihan kerana hal itu lebih menampakkan kecantikan di wajah dan lebih mendatangkan kenikmatan bagi suami (Riwayat Al-Daulabi) .

Daripada hadis-hadith ini, menjelaskan bahawa Rasulullah SAW tidak mewajibkan khitan sebaliknya mendidik wanita bagaimana seharusnya dilakukan ketika mengkhatakan anak-anak perempuan.

Selain itu, dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Malih menyebut:

الختان سنة للرجل ومكرمة للنساء.

Yang bermaksud :

Khatan sunat bagi lelaki dan penghormatan bagi perempuan (Riwayat Ahmad).

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Rasulullah pernah bersabda:

خمس من الفطرة : الختان والإستحداد وتقليم الأظافر وتنف الإبط وقص الشارب.

Yang bermaksud :

Lima perkara fitrah iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan, memotong kuku, mencabut bulu ketiak (cukur) dan memendekkan misai. (Riwayat Bukhari)

Daripada hadis ini menjelaskan bahawa amalan berkhatan merupakan salah satu dari perkara fitrah yang hukumnya adalah sunat. Maka, khatan juga adalah tidak wajib terutamanya kepada perempuan tetapi merupakan penghormatan bagi perempuan.

Beberapa ulama' kontemporari telah mentarjihkan pandangan ulama'-ulama' yang berbahas tentang hukum khitan bagi perempuan. Antaranya, Muhammad Khalid Mansur (1999) mendatangkan pandangan yang rajih adalah dengan berpegang hukum asal iaitu harus. Tidak wajib dan tidak juga sunat. Dengan mengambil kira tidak terdapat nas dan dalil qat'e yang jelas mewajibkan dan menuntut pelaksanaannya.

3.0 Dapatan Kajian

12 orang respondan telah ditemui bual bagi mendapatkan data berkaitan kefahaman amalan khitan bagi perempuan dalam kalangan ibu-ibu muda. Dapatan yang diperoleh daripada temu bual tersebut ialah :

Berdasarkan dapatan yang diperoleh memperlihatkan bahawa ibu-ibu muda pada masa kini mempunyai kefahaman berkaitan tentang khitan bagi perempuan dan mereka juga mengamalkan khitan terhadap anak-anak perempuan mereka. Amalan yang mereka amalkan juga bertepatan dengan ketetapan syarak. Ibu-ibu muda ini mengkhitankan anak perempuan seawal usia baru dilahirkan sehingga usia enam bulan. Meereka juga mengkhitankan anak perempuan mereka dengan doktor perubatan di klinik mahupun di hospital dan juga menggunakan bidan kampung yang terlatih. Tidak ada sebarang upacara adat istiadat yang diamalkan dalam melakukan amalan khitan bagi anak perempuan mereka.

Empat daripada respondan tidak mengetahui cara pelaksanaan khitan bagi anak perempuan mereka. Selebihnya mempunyai pengetahuan berkaitan cara khitan yang dijalankan seperti mana yang telah dijelaskan dalam Islam iaitu dengan memotong sedikit lebih kulit di atas klitoris. Ini jelas menunjukkan bahawa khitan yang dianjurkan dalam Islam tidak mendatangkan mudarat dan menganiaya kaum wanita.

Walaupun belum dibuktikan dengan kajian empirikal berkaitan hikmah khitan bagi perempuan, namun berdasarkan kefahaman respondan mengatakan bahawa dengan melakukan khitan dapat mengawal nafsu syahwat dan mengawal keinginan seks yang melampaui seterusnya menghindarkan daripada berlakunya zina. Dalam laman sesawang Dr. Zaharuddin ada mendatangkan beberapa kajian yang menyebut tentang perkara ini. Syeikh Mahmud Syaltut mengatakan bahawa para doktor berkata kesan daripada wanita tidak berkhitan adalah akan menaikkan syahwatnya dan bimbang mendorong kepada sesuatu yang tidak diingini. Selain itu, pandangan Prof. Dr Md Hasan Al-Hafnawi dan Dr Md Sadiq, pakar perubatan kulit di kuliah perubatan Al-Azhar mengatakan bahawa kelentit wanita (yang dipotong) yang berada di pangkal faraj wanita memberi rangsangan terkuat untuk hubungan lelaki dan wanita. Kekuatan rangsangannya boleh mencecah tujuh kali lebih sensitif dari zakar lelaki. Maka khitan merupakan cara terbaik demi menjaga maruah dan kehormatan wanita dan kewanitaannya.

Berkaitan dengan perselisihan pandang ulama' tentang hukum khitan bagi perempuan, hanya seorang respondan berpegang dengan hukum wajib, manakala selebihnya berpegang dengan hukum sunat dan melaksanakan khitan bagi perempuan adalah perkara yang digalakkan dalam Islam.

4.0 Kesimpulan

Khitan bagi perempuan merupakan perkara yang disyariatkan dalam Islam. Ia bukanlah perkara yang ditokok tambah atau diamal mengikut adat semata-mata, namun ia bersandarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Terdapat dua pandangan ulama' berkaitan dengan khitan bagi perempuan iaitu wajin dan sunnat. Bagi memudahkan untuk beramal dalam perkara ini pendapat daripada dua ulama' tersohor masa kini boleh dijadikan sandaran. Menurut Yusuf Al Qaradhwai mengkhatankan anak perempuan adalah lebih baik. Terserah kepada ibu bapa sama ada muhun melakukannya atau tidak. Kerana tidak berdosa sekiranya tidak dilakukan kerana khitan bagi wanita hanya satu kemuliaan (Yusuf Qaradhwai 2003).

Manakala pendapat Wahbah al-Zuhaili pula, khitan adalah perkara yang disyariatkan dan tidak ada pendapat yang boleh menidakkannya perkara ini sama ada bagi lelaki maupun wanita. Yang penting adalah hendaklah ianya disempurnakan oleh doktor yang dipercayai. Jika seorang wanita tidak melakukan khitan, tidak ada dosa ke atasnya kerana itu merupakan haknya dan hukumnya tidak wajib dan tidak perlu mewajibkannya.

Berdasarkan pelaksanaan khitan yang dibentangkan juga memperlihatkan khitan bagi perempuan tidak memudaratkan kerana hanya memotong sedikit hujung bahagian klitoris sahaja. Sekali gus menafikan amalan khitan bagi wanita dalam Islam berbeza dengan amalan khitan yang diamalkan di Afrika, sebahagian kecil di Asia, Timur Tengah, Amerika Tengah dan Amerika Selatan (World Health Organization 2008)

Rujukan

- Abdul Karim Zaidan. 2000. *Al-Mufassal fi Ahkam Al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syari'ah al-Islamiah*. Beirut. Muassasah Ar-Risalah. Hlm 47.
- Abu Daud. 1996. *Sunan Abi Daud*. Beirut. Dar Al-Kutub al-Islamiyah.
- Al-Nawawi. 2000. *Khitan Az-Zukur wa Al-Inath Inda Al-Yahudi wa Al-Masihiyyin wa Al-Muslimin*. Beirut. Riad Al-Rayyes Book Ltd. Hlm 282.
- Al-Nawawi. 2001. *Kitab Al-Majmu'*. Beirut. Dar Ahya at-Turath al-Arabi. Hlm 105.
- Atiyyah Saqar. t.t. *Husnul Kalam fi Fatawal Ahkam*. Kaherah. Dar Al-Bahgadi. Hlm 105.
- Ibn Hajar Al-Asqalani. 2000. *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Al-Bukhari*. Riadh. Dar As-Salam. Hlm 419.
- Imam Ahmad bin Hanbal. 1993. *Musnad Ahmad*. Beirut. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Hlm 508
Free Malaysia Today. Oktober 2016.
- Muhammad Khalid Mansur. 1999. *Al-Ahkam al-Tibbiyyah al-Mutaaliqah binnisa' fi Fiqh al-Islami*. Urdun. Dar al-Nafais. Hlm 173.
- Muhammad Sayyid as-Syanawi. t.t. *Khitan al-Banat baina as-Syar'I wa at-Thibbi*. t.tp. Hlm 95-97.
- Sahih Bukhari. *Kitab Al-Libas*. Bab 63. Qassu al-Syarib.
The Washington Post. September 2016.
- Wizarah Al-Awqaf wa Asy-Syu'un Al-Islamiyyah. 1990. *Khitan. Mausu'ah Fiqhiyyah*. Hlm 27.
- World Health Organization (WHO) 2008. Eliminating Genital Mutilation An Interagency Statement.
- Yusuf Qaradhawi. 2003. *al-Fatawa al-Mu'asirah*. Kuwait. Dar al-Qalam li an-Nusyur wa al-Tauzik. Hlm 384.

www.zaharuddin.com
www.muftiwp.gov.my